

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019**

**SOALAN NO. 52**

**YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana dengan cadangan penstrukturan semula Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan usaha Kerajaan melindungi kebajikan dan hak asasi Orang Asli khususnya krisis kesihatan Orang Asli suku Batek 14 sah maut.

**JAWAPAN : [ YB SEN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY ],  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan penstrukturan semula Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah dibentangkan oleh mantan Ketua Pengarah JAKOA, Dato' Ajis bin Sitin pada mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada bulan Mac 2019 yang lalu. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

Kertas cadangan penstrukturan semula JAKOA sedang dikemaskini dan akan diangkat kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada bulan Ogos 2019, selepas mendapat pertimbangan dan kelulusan di peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM).

## NO. SOALAN: 52

Untuk usaha kerajaan melindungi kebajikan dan hak asasi Orang Asli khususnya krisis kesihatan Orang asli suku kaum Batek, pihak Kerajaan komited dan serius dalam melaksanakan bantuan pemulihan rawatan dan pemberian sokongan kebajikan kepada penduduk-penduduk Kampung Orang Asli Kuala Koh dan juga di wad-wad Hospital Kerajaan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), KKM, PDRM, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) serta beberapa jabatan/ agensi Kerajaan yang lain dan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO).

- i) Mengadakan Program Kesihatan Komuniti bersama dengan pihak KKM dengan aktiviti penerangan kesihatan interaktif, simulasi praktikal penjagaan kesihatan, pertandingan kesihatan komuniti sihat, dan pembekalan sokongan penjagaan kesihatan.
- ii) Program suntikan vaksin dan imunisasi yang berjadual kepada masyarakat Orang Asli.
- iii) Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang bekerjasama dengan pihak JAKOA di dalam proses penelitian bagi mewujudkan keanjalan silibus pengajaran dan fleksibel masa pembelajaran bagi pelaksanaan konsep Sekolah Komuniti Pedalaman Orang Asli bagi Orang Asli suku Bateq.